



MENTRANSFORMASIKAN PEMBANGUNAN BELIA NEGARA

PENDAHULUAN

Sudah amat kerap kita mendengar mengenai belia yang disifatkan sebagai aset terpenting dalam sesebuah negara kerana jatuh bangun sesuatu bangsa bergantung pada peranan belia. Setiap tahun berlangsungnya sambutan Hari Belia sebagai isyarat peri pentingnya peranan golongan berkenaan dalam mengerakkan hala tuju dan masa depan negara yang sentiasa diberi penekanan oleh pemimpin. Belia juga sering dilabelkan sebagai golongan yang mempunyai semangat yang tinggi dalam melakukan sesuatu yang menjadi penentu kepada kejayaan kesemua program dan dasar yang dilaksanakan kerajaan. Dengan kata lain, negara sangat bergantung harap kepada belia yang merupakan kumpulan demografi terbesar rakyat negara ini kira-kira 12.9 juta daripada keseluruhan 28 juta penduduk dalam memikul tanggungjawab untuk menjayakan agenda nasional dan wawasan negara, sekali gus membentuk satu sinergi yang mampu mencorakkan landskap sosioekonomi dan politik negara.

KITARAN PENTING

Golongan belia sebenarnya memang ada peranan dan tempatnya, bukan sahaja sebagai warganegara, tetapi disebut sebagai waris yang akan mengambil alih pucuk pimpinan dalam masyarakat dan negara. Menyebut tentang belia, mungkin kebanyakan orang memikirkan hanya melibatkan remaja dan pelajar sekolah, tetapi sebenarnya kumpulan ini melibatkan golongan berumur bawah 40 tahun yang merupakan kumpulan paling aktif dalam pelbagai gerakan, aktiviti, dan program. Dari segi umur belia ialah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun. Golongan belia lebih dikenali dengan semangat keterujaan dalam melakukan sesuatu terutamanya pada usia muda yang penuh dengan tenaga, emosi, dan keghairahan. Tanpa mengira bidang dan aliran, penyertaan belia juga dilihat sebagai satu kitaran penting dalam melatih dan menyediakan kumpulan pelapis

kepada kepimpinan utama kelak, bermula daripada peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat pentadbiran tertinggi organisasi dan negara.

Menyadari kepentingan belia pada pemodenan negara, kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan telah menggubal dasar baharu bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997. Dasar baharu ini dikenali sebagai Dasar Belia Malaysia atau secara singkatannya DBM. Fokus utama DBM memberi tumpuan ke arah pembangunan belia ideal menerusi penekanan pada elemen pembinaan jati diri kenegaraan, pembangunan kualiti hidup, penajanaan belia kompetitif, dan penerapan budaya kesejagatan. Keseluruhan elemen yang terkandung dalam DBM adalah berfokus pada usaha untuk mencapai aspirasi menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dengan berasaskan kepada Model Baru Ekonomi dan selaras dengan semangat Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Objektif DBM adalah untuk mentransformasikan pembangunan belia

dengan merangkumi empat fokus bidang yang utama, iaitu pertama, memperkukuh semangat jatidiri kenegaraan dan literasi kewarganegaraan dalam kalangan semua generasi belia Malaysia; kedua, mencetuskan pembangunan kualiti hidup kelas pertama keseluruhan generasi belia dengan merentasi aspek perbezaan budaya, kaum dan keagamaan serta geografi; ketiga, menyerlahkan semangat kompetitif dan daya juang belia Malaysia bagi menghadapi cabaran transformasi pembangunan negara; dan keempat, penerapan budaya positif kesejagatan dalam pembangunan personaliti unggul belia Malaysia. Tegasnya, DBM merupakan aspirasi untuk membangunkan generasi belia negara yang berpaksikan pada penguasaan kemahiran sendiri secara tuntasnya dan bersiap siaga bagi berhadapan dengan transisi perubahan dalam proses transformasi pembangunan negara.

NEGARA PERLU SUMBANGAN BELIA

Umum menyedari istilah belia kian popular di negara ini. Jika sebelum ini belia banyak dikaitkan dengan fenomena sosial dan permasalahannya, namun istilah belia terus digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan. Malah, menurut Perdana Menteri, kejayaan wawasan dan kesemua prakarsa nasional seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP), serta Model Baru Ekonomi (NEM), bersama dengan Rancangan Malaysia ke-10 yang menjadi asas lonjakan negara bagi pusingan terakhir ke arah Wawasan 2020 sudah pasti memerlukan sumbangan proaktif golongan belia. Menyedari kepentingan belia terhadap kelangsungan negara, kerajaan melancarkan enam inisiatif Transformasi Belia Malaysia yang meliputi keperluan belia masa kini, iaitu Parlimen Belia Malaysia, VyRec (ruang Parlimen Belia Malaysia), MyIcon (ikon belia), MyCorp (sukarelawan belia Malaysia), MyPark (Susah Sehati Kegiatan Belia) dan The Leader (kepemimpinan belia). Jika diamati keseluruhan enam inisiatif besar tersebut merupakan satu usaha

radikal kerajaan untuk menyediakan ruang dan peluang kepada golongan belia mempertingkatkan peranan serta sumbangan kepada pembangunan negara. Parlimen Belia Malaysia yang akan mengumpulkan individu belia berusia 25 tahun ke bawah dengan mewakili 222 kawasan Parlimen pasti akan mencipta sejarah sebagai platform belia menyuarakan pandangan terhadap isu semasa secara langsung. Bagi Majlis Belia Malaysia (MBM), langkah seumpama ini merupakan satu lonjakan buatnya untuk memastikan suara golongan belia terus didengari.

Selain itu, sebagai mengiktiraf golongan belia kerajaan akan menggerakkan satu gelombang untuk golongan muda secara besar-besaran melalui platform 1Malaysia For Youth (1M4U) bagi

mereka mengetengahkan bakat masing-masing sekali-gus menyemarakkan lagi usaha menggerakkan gelombang tersebut.

TAHUN 2013, TAHUN SUKARELAWAN

Gelombang ini bukan untuk membawa kerosakan kepada negara, tetapi akan mengangkat Malaysia ke martabat yang lebih gemilang. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencetus gelombang tersebut secara massa, tahun 2013 akan diisytiharkan sebagai Tahun Sukarelawan bagi melahirkan lebih banyak ikon belia dalam bidang sukarelawan negara. Sambil memberi contoh, ikon belia, Mohd. Zhariff Afandi yang kuding kedua-dua belah tangan, tetapi aktif membantu masyarakat. Oleh itu, platform 1M4U akan melahirkan ribuan lagi insan berhati mulia seperti

tokoh orang kurang upaya (OKU) tersebut pada masa hadapan. Dalam perutusan sempena Hari Belia 2011 yang bertemakan "Belia Pemangkin Transformasi", Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak para belia terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ke arah kecemerlangan diri untuk bersaing pada zaman kompetitif ini. Perangkan penduduk Malaysia tahun 2010 menunjukkan hampir separuh daripada penduduk negara ini adalah remaja dan belia yang berusia antara 15 hingga 39 tahun.

Bayangkan potensi belia ini yang jika dibangunkan secara holistik dan seimbang akan menghasilkan sebuah negara yang stabil, maju, dan berdaya saing. Hal ini juga menunjukkan betapa pentingnya membangun dan memperkasakan peranan belia dalam proses transformasi negara. Perubahan dan transformasi adalah suatu kemestian dalam usaha menuju negara yang maju dan dinamik dalam kerangka kita sendiri yang memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut. Transformasi bermula dengan asas dan dasar pendidikan dengan semangat dan falsafah pendidikan kebangsaan dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmoni. Hanya melalui pendekatan pendidikan yang holistik dapat melahirkan potensi yang maju,



mencetus kejayaan lebih gemilang kepada negara menerusi idea serta sumbangan golongan belia. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, sebagai komitmen untuk melonjakkan gelombang tersebut dengan bersandar pada semangat sukarelawan para belia di atas platform 1M4U, kerajaan meluluskan penubuhan Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M) berjumlah RM100 juta. Dana tersebut akan diagih-agihkan dalam bentuk geran kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan belia, serta badan beruniform yang giat menjalankan aktiviti sukarelawan dengan beliau sendiri bertindak sebagai Lembaga Pemegang Amanah 1M4U. Pada masa yang sama, sebuah stesen radio 1M4U juga akan diwujudkan berteraskan minat serta cita rasa anak muda untuk membolehkan



berdaya saing, dan kompeten, di samping menyuburkan nilai-nilai sejagat dalam sistem pendidikan kita.

EJEN PENGUBAH BANGSA

Seterusnya, golongan belia adalah tenaga penting dalam memikul tanggungjawab pada masa akan datang dan mereka perlu didekati serta suara mereka didengari sebagai ejen transformasi negara. Sehubungan dengan itu, Himpunan Jutaan Belia ke-3 yang diadakan di Putrajaya selama lima hari bermula 23-28 Mei 2012 yang lalu berjaya mencatatkan kehadiran sebanyak 2.4 juta orang berbanding sasaran awalnya dua juta orang. Bertemakan 'Hari Ini Lebih Baik Berbanding Hari Esok', sebanyak 500 aktiviti memabitkan 38 segmen dengan 1,000 persembahan diadakan sepanjang sambutan program tersebut. Bermula tahun depan, Kementerian Belia dan Sukan akan menjenamakan semula karnival Himpunan Jutaan Belia kepada Festival Belia Putrajaya dan cadangan tersebut diterima baik oleh Kabinet. Kerajaan percaya penjenamaan baharu itu akan melonjakkan imej himpunan tersebut ke satu tahap yang baharu. Penganjuran himpunan seperti itu berjaya menghimpunkan golongan belia daripada pelbagai kaum, sekali gus membolehkan mereka sudah bersedia bersama-sama kerajaan memikul tanggungjawab bagi meneruskan agenda pembangunan negara. Penglibatan golongan itu sangat signifikan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan belia sebagai pencorak wajah negara pada masa depan. Mereka adalah golongan produktif dan memperkasakan jati diri masing-masing untuk sama-sama membangunkan negara.

Golongan belia sentiasa diingatkan supaya menanamkan sikap sentiasa maju, hebat, dan bersemangat tinggi dalam mencapai kejayaan bagi setiap bidang diceburi supaya lebih mudah menghadapi pelbagai saingan yang semakin mencabar. Seterusnya di peringkat antarabangsa pula, Program Pertukaran Belia Antarabangsa diadakan setiap tahun anjuran Kementerian Belia dan Sukan. Program ini melibatkan pertukaran belia dari dua buah negara hasil perjanjian negara Malaysia dengan negara lain seperti Thailand, Korea, Fukuoka, Indonesia, Nepal, Mongolia, Kenya, Singapura, dan akan diperluas ke negara lain termasuk Timur Tengah. Setiap tahun, Malaysia akan menghantar delegasi belia ke luar negara untuk mengikuti program ini dan akan dibalas oleh negara berkenaan dengan menghantar delegasi dari negaranya ke Malaysia. Objektif utama program pertukaran belia ini dilaksanakan adalah untuk menengahkan belia Malaysia ke peringkat antarabangsa dengan memberikan mereka pengalaman dan pengetahuan hidup di perantauan, di samping menjadi dua kecil Malaysia yang bertanggungjawab menonjolkan Malaysia dari pelbagai aspek contohnya kebudayaan dan sosial.

Program ini juga adalah merupakan titian bagi hubungan dua hala yang diharapkan akan dapat mewujudkan persefahaman dari aspek sosial dan budaya negara-negara yang terlibat. Selain itu, program seumpama ini juga melibatkan pertukaran buah fikiran, dan idea, serta saling mempelajari adat resam dan cara kehidupan di negara masing-masing. Melalui kehadiran delegasi belia dari luar negara ke Malaysia juga secara tidak langsung akan dapat membantu mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Program pertukaran belia ini juga adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada golongan belia atas sumbangan mereka terhadap pembangunan belia di Malaysia.

Namun demikian, Imam Al-Ghazali pernah berkata: "Jika kita ingin tahu corak dan rupa masa depan maka lihatlah kepada generasi muda hari ini." Justeru agak menakutkan apabila akhbar tempatan sering melaporkan bahawa lebih enam juta belia negara menghadapi krisis kecleruran identiti disebabkan terpengaruh dengan gaya hidup barat yang semakin menular dalam kalangan belia. Mereka hanya bertindak mengikut naluri masing-masing tanpa mempedulikan norma kehidupan yang kita warisi sekian lama. Dapatan ini telah diperolehi oleh Ikatan Muslimin Malaysia (Sma) melalui media alternatif seperti laman sembang sosial Facebook dan Twitter. Tidak dinafikan golongan belia kini terdedah kepada pelbagai bentuk cabaran. Sesungguhnya cabaran dihadapi belia kini amatlah besar apatah lagi dengan internet yang semakin canggih. Masa depan anak cucu sebagai generasi pelapis turumbanding jika dibiarkan belia berterusan dengan kecleruran identiti. Tidak usah kita menuding jari menyalahkan orang lain dalam hal ini atau terus menerus dibuai dengan isu yang kecil sehingga perkara yang lebih penting dikesampingkan. Setiap orang daripada kita harus berperanan membantu para belia dalam mencari dan membentuk identiti yang diperlukan mengikut acuan kita sendiri agar generasi masa depan terus berada di landasan yang betul. Sebaik-baiknya semua pihak harus bermuhasabah dan memikirkan usaha yang boleh dilakukan demi memastikan golongan belia berada pada landasan yang betul.

KEKESIMPULAN

Sebagai intih, kaum belia merupakan harta negara dan seharusnya mereka dipelihara akhlak dan agamanya. Mereka merupakan pemimpin masa hadapan dan perlu dipersiapkan untuk menggalas cabaran negara pada masa akan datang. Dekatilah mereka, dengarkan luahan hati, dan pendapat mereka, serta jadikan belia seperti rakan untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat. Dengan cara ini mereka tidak akan ragu-ragu untuk meluahkan segala kemusykilan dan permasalahan yang dihadapi. Oleh itu, semua pihak termasuk kerajaan, swasta, pertubuhan belia, dan sebagainya disuruh memberikan perhatian kepada golongan belia terutama dalam menjayakan agenda transformasi negara bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.